



**KENYATAAN AKHBAR**  
**Pengarah Kesihatan Negeri**  
**Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya**

**Pencegahan Demam Denggi Sempena Cuti Perayaan**  
**Bagi Minggu Epid 23/2018**

Pada **minggu ke-23/2018** iaitu bagi tempoh **3 Jun hingga 9 Jun 2018**, sejumlah **188 kes demam denggi** didaftarkan, **meningkat 46 kes atau (32.3%)** berbanding **142 kes** pada minggu sebelumnya. Sepanjang tahun ini sehingga **9 Jun 2018**, sebanyak **2,198 kes** dengan **tiga(3)** kes kematian berbanding **17 kes** kematian bagi tempoh yang sama pada **tahun 2017**. Kes denggi **menurun** sebanyak **2,162 kes atau 49.6%** bagi tempoh yang sama iaitu dengan **4,360 kes** pada **minggu ke-23/2017**.

**Titiwangsa** telah mencatatkan jumlah kes yang tertinggi sepanjang tahun **2018** dengan **618 kes (28.1%)**, **Cheras** dengan **568 kes (25.8%)**, **Kepong** dengan **503 kes (22.9%)**, diikuti oleh **Lembah Pantai** dengan **420 kes (19.1%)** dan **Putrajaya** dengan **89 kes (4.0%)**. Sehingga kini **terdapat tiga(3)** kes kematian dilaporkan sepanjang tahun **2018**. Terdapat **4 kawasan Wabak Tak Terkawal** yang telah melebihi 14 hari dan **5 kawasan Hotspot** yang telah melebihi 30 hari dilaporkan di Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Pergerakan orang ramai secara meluas semasa cuti sekolah dan musim perayaan boleh menyebabkan jangkitan Demam Denggi lebih cepat merebak jika terdapat nyamuk Aedes di persekitaran mereka. Sehubungan itu, sempena musim perayaan yang bakal disambut pada minggu hadapan, saya menasihatkan masyarakat untuk melakukan **aktiviti pencegahan sebelum, semasa dan selepas perayaan** seperti berikut:

### **Sebelum balik kampung untuk beraya:**

- i. Memastikan tiada bekas atau tempat-tempat yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk Aedes di kawasan kediaman masing-masing semasa pulang bercuti ke kampung.
- ii. Memasukkan bahan pembunuh jentik-jentik ke dalam takungan air kekal terutama apabila tidak menggunakannya lebih dari tempoh seminggu.
- iii. Menggunakan semburan aerosol untuk membunuh nyamuk dewasa yang berada di dalam rumah.
- iv. Menggunakan bahan penghalau nyamuk (repelen) kepada bahagian badan yang terdedah untuk gigitan nyamuk, terutama pada waktu nyamuk aktif menggigit (5–7 pagi dan 5–7 petang).
- v. Mengelakkan diri daripada pergi ke kawasan wabak atau hotspot denggi. Maklumat tersebut boleh didapati daripada aplikasi iDengue.
- vi. Sembur aerosol racun serangga dalam kereta sebelum pulang ke kampung.
- vii. Pengusaha bas perlu melakukan semburan aerosol di dalam bas setengah jam sebelum penumpang menaiki bas untuk membunuh nyamuk Aedes dewasa yang mungkin berada di dalam bas dan seterusnya dapat mengelakkan penyebaran virus Denggi.

## **Semasa musim perayaan terutama bila berada di lokaliti wabak:**

- i. Kenal pasti kampung/lokaliti anda sebagai tempat wabak denggi atau tidak. Mengelakkan diri daripada pergi ke kawasan wabak atau hotspot denggi. Maklumat tersebut boleh didapati dengan menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berkenaan.
- ii. Elakkan berada di luar rumah ketika waktu lewat petang atau awal pagi.
- iii. Lindungi diri dari gigitan nyamuk aedes seperti
  - memakai pakaian yang cerah
  - memakai pakaian yang berlengan panjang
  - memakai repelen
  - semburan aerosol

## **Selepas balik dari bercuti raya bagi menangani jangkitan demam denggi**

- i. Sembur aerosol sebelum masuk ke dalam rumah terutama di tempat nyamuk bersembunyi
- ii. Pastikan tempat-tempat yang diperiksa sebelum pulang berhari raya sebelum ini kekal bebas daripada pembiakan aedes
- iii. Sekiranya demam, dapatkan rawatan di klinik berdekatan.

Sekiranya ada di kalangan masyarakat yang mengalami gejala Demam Denggi, sila dapatkan rawatan segera di klinik atau hospital yang berhampiran. Pengesanan dan rawatan awal dapat menyelamatkan nyawa dan mencegah komplikasi kedua-dua penyakit tersebut. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan ceriakan Aidilfitri anda dengan bebas daripada sebarang penyakit.

## **DR. ZAINUDIN BIN ABDUL WAHAB**

Pengarah Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan  
Kuala Lumpur dan Putrajaya

11 Jun 2018